

# PROSIDING

## *Seminar Isi-isu Kontemporari Zakat di Malaysia*

**TARIKH :**

**25 -27 November 2012/  
11 – 13 Muharram 1434H**

**ANJURAN:**

**Pusat Islam,  
Universiti Utara Malaysia**

**TEMPAT :**

**My Hotel, Bandar Kuah,  
Langkawi.**

## **KETELUSAN DI DALAM TADBIR URUS INSTITUSI ZAKAT**

Md Hairi Md Hussain  
Kamil Md. Idris  
Ram Al Jaffri Saad  
Universiti Utara Malaysia

### **ABSTRAK**

*Isu keyakinan masyarakat Islam yang rendah terhadap institusi zakat agak membimbangkan. Tadbir urus zakat yang tidak telus didakwa sebagai satu daripada faktor penyumbang terhadap permasalahan yang dihadapi. Justeru itu, kajian ini berhasrat untuk mengenal pasti pembentukan tadbir urus zakat yang baik dengan memberi fokus kepada ketelusan untuk menangani isu yang wujud. Setakat ini, kajian mengenai ketelusan tadbir urus institusi zakat tidak dijalankan secara mendalam dan ini memberi ruang untuk kertas ini memenuhi jurang yang ada. Kertas ini berbentuk konseptual di mana ianya akan mengulas dan membincangkan artikel-artikel yang berkaitan dengan ketelusan, tadbir urus dan zakat. Kemudiannya satu model konseptual akan dibangunkan sebagai cadangan penambahbaikan untuk institusi zakat. Kertas ini dapat memberikan maklumat tambahan kepada institusi zakat dan membantu institusi tersebut untuk menangani isu keyakinan masyarakat Islam yang rendah. Ini penting agar objektif zakat untuk menegakkan keadilan ekonomi dan sosial dapat dicapai. Kajian ini seterusnya bakal mencetus kajian empirikal di masa hadapan yang berkaitan dengan elemen ketelusan. Ia juga bertindak sebagai satu usaha untuk mengimarahkan penyelidikan didalam bidang zakat. Hasil penemuan ini adalah relevan dan terpakai kepada Malaysia dan negara-negara Islam yang lain.*

*Kata kunci:* Ketelusan, Tadbir Urus, Zakat.

### **Pendahuluan**

Masyarakat Islam mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap zakat kerana zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam. Zakat didefinisikan sebagai penyucian diri, harta dan masyarakat (Hairunnizam, Mohd Ali & Sanep, 2005; Qardhawi, 2007). Penyucian ini bertujuan untuk menjadikan manusia itu lebih bernilai daripada harta (Qardhawi, 2007). Islam telah menetapkan 8 golongan yang berhak menerima zakat iaitu orang fakir, miskin, amil, mualaf, hamba, orang yang berhutang kerana keperluan hidup, orang yang berjuang di jalan

Allah dan musafir yang terputus bekalan. Ketetapan ini bertepatan dengan Surah At-Taubah ayat yang ke 60 (Ibnu Kathier, 2007).

Zakat memainkan peranan yang sangat besar di dalam masyarakat Islam di mana ia mempunyai objektif untuk menegakkan keadilan ekonomi dan sosial (Norazlina & Abdul Rahim, 2011a; Patmawati, 2008; Qardhawi, 2007). Pencapaian objektif ini dapat menyumbang kepada pembasmian kemiskinan dan juga membawa penyelesaian kepada masalah sosial (Patmawati, 2008). Menyedari hakikat ini, institusi zakat telah ditubuhkan untuk mengutip dan mengagihkan dana zakat. Di Malaysia, zakat ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (Kamil, 2002; Md. Zyadi & Mariani, 1999; Ram Al Jaffri, 2010a). MAIN bertanggungjawab dalam menguruskan aktiviti zakat seperti yang termaktub dalam perlembagaan persekutuan (Norazlina & Abdul Rahim, 2011a). Institusi zakat mempunyai kebebasan untuk menentukan pentadbiran zakat mereka sendiri dan ini telah membawa kepada kepelbagaiam amalan yang diguna pakai di setiap negeri. Oleh kerana institusi zakat merupakan sebuah institusi yang memegang kepercayaan awam, maka institusi tersebut adalah terdedah kepada penilaian umum masyarakat Islam. Institusi zakat diharapkan dapat melaksanakan tanggungjawab ini dengan adil bagi memastikan kebijakan umat Islam dilindungi (Patmawati, 2008; Qardhawi, 2007).

Kebelakangan ini, beberapa isu dan kontroversi dilihat telah menimpa institusi zakat. Satu daripada isu tersebut adalah keyakinan masyarakat Islam yang rendah terhadap institusi zakat. Setiap tahun aduan terhadap institusi zakat dilaporkan dalam media terutamanya yang berkaitan dengan pengagihan zakat (Mohd Harzrul, 2010). Beberapa penyelidik zakat juga telah menekankan tentang isu ini contohnya (Aidit, 1989; Hairunnizam, Sanep & Radiah, 2009; Mohd Asri, 2009; Patmawati, 2008; Sanep & Hairunnizam, 2005; Sanep, Hairunnizam & Adnan, 2006). Sanep et al. (2006) mendapati bahawa majoriti daripada responden tidak berpuas hati dengan pengurusan institusi zakat walaupun mereka membayar zakat kepada institusi tersebut. Selain itu, sikap tidak yakin kepada institusi zakat adalah penyebab untuk seseorang individu itu membayar zakat melalui saluran tidak formal (Aidit, 1989; Hairunnizam et al, 2009; Mohd Asri, 2009; Sanep & Hairunnizam, 2005). Patmawati (2008) juga bercakap dalam nada yang sama apabila mencadangkan bahawa kepercayaan dan keyakinan pembayar zakat perlu diperbaiki. Ini menunjukkan bahawa isu keyakinan yang rendah terhadap institusi zakat adalah serius.

Faktor utama yang dipercayai berkait dengan keyakinan awam yang rendah adalah tadbir urus institusi zakat yang dikatakan tidak cekap (Azman, Mohammad & Syed Mohd Najib, 2012; Kamil, 2002; Ram Al Jaffri, 2010a). Ini disebabkan wujudnya rungutan daripada masyarakat tentang pengagihan zakat terutamanya oleh pihak yang berpontensi menerima zakat (Azman et al., 2012; Hairunnizam et al., 2009; Mohd Fadly, 2010). Di samping itu, imej institusi zakat turut tercemar disebabkan rasuah dan penyelewengan yang dilakukan oleh pegawai zakat (“ACA detains senior Lembaga Zakat Selangor officer,” 2008; Radiah, 2011). Hasil penyelidikan oleh Ram Al Jaffri (2010a) turut menyokong bahawa keyakinan masyarakat Islam yang rendah adalah disebabkan imej institusi zakat yang tercalar.

Isu keyakinan yang rendah memberi beberapa kesan negatif kepada negara amnya dan kepada masyarakat Islam khususnya. Pertama, berlakunya pengelakan zakat di mana krisis keimanan dan moral yang menimpa umat Islam telah menjadikan mereka cenderung untuk tidak mematuhi perintah dari Allah. Ini memberikan gambaran bahawa lebih ramai Muslim akan lari dari membayar zakat kerana kejahanan mereka (Mohd. Hasriq, 2011; Shaarani, 2010; Zulkifli, 2010). Pengelakan zakat mempunyai beberapa kesan sosio-ekonomi yang negatif. Ia akan menjelaskan usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan kerana pungutan zakat tidak berada pada tahap yang optimum dan ini akan mengurangkan hasil sebenar zakat yang boleh dikutip (Diabi, 1993). Oleh itu, pentadbiran institusi zakat perlu diperkuuhkan. Jika pengelakan zakat berjaya diatasi, kebijakan penerima zakat akan dapat dipertingkatkan.

Kedua, keyakinan awam yang rendah boleh membawa kepada masalah kebocoran dan ketidakpatuhan. Menurut Sanep et al. (2006), sebanyak 10.5% responden dalam kajian mereka berminat untuk membayar zakat secara langsung kepada penerima zakat tanpa melalui institusi zakat. Peratusan ini mungkin meningkat jika keyakinan awam terhadap tadbir urus institusi zakat terus merosot. Sanep dan Hairunnizam (2004) menyatakan bahawa walaupun tiada statistik yang tepat mengenai kebocoran zakat tetapi ramai individu dipercayai membayar zakat terus kepada penerima zakat. Hairunnizam et al. (2009) menyokong kenyataan tersebut di mana mereka mendapati 57.1% pembayar zakat tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat. Angka ini menunjukkan bahawa kemungkinan pembayar zakat untuk membayar zakat terus kepada penerima zakat adalah tinggi. Sebagai seorang Muslim, kewajipan berzakat perlu dilaksanakan kerana ia adalah salah satu rukun Islam. Oleh itu, jika masyarakat Islam tidak mempercayai

institusi zakat, mereka akan mencari alternatif lain untuk melaksanakan kewajipan ini. Satu-satunya alternatif yang ada pada mereka adalah untuk membayar zakat terus kepada penerima zakat. Walau bagaimanapun, tindakan ini tidak wajar disebabkan kemungkinan wujudnya ketidakadilan dalam mengenal pasti penerima zakat. Lebih membimbangkan lagi, pembayaran zakat melalui saluran alternatif ini adalah tidak sah dan berdosa kerana ianya bercanggahan dengan fatwa yang dikeluarkan (JAKIM, 2006). Jadi, isu ini perlu ditangani dengan segera dan berhati-hati kerana kegagalan dalam menguruskan institusi zakat akan mencetuskan tindak balas negatif daripada pihak berkepentingan dalam zakat dan akan meletakkan masyarakat Islam dalam kerugian (Diabi, 1993; Mohd Asri, 2010).

### **Tadbir Urus**

Tadbir urus merupakan satu konsep yang penting di dalam organisasi. Banyak organisasi sama ada yang berteraskan keuntungan atau organisasi yang bukan bermatlamatkan keuntungan mula memberi perhatian kepada konsep ini sebagai alat untuk menjamin kewujudan berterusan mereka (Abdul Hadi, M. Fazilah & Md Ishak, 2005; Bandsuch, Pate & Thies, 2008; Barros & Nunes, 2007; Cadbury Committee, 1992). Keadaan ini adalah ketara dalam sektor korporat kerana persaingan sengit yang dihadapi oleh syarikat-syarikat. Elemen di dalam tadbir urus diharapkan dapat membantu syarikat meningkatkan prestasi dan menangani masalah agensi. Keperluan kepada tadbir urus yang cekap juga penting dalam organisasi yang bukan bermatlamatkan keuntungan. Ini adalah kerana organisasi tersebut turut menghadapi tekanan daripada orang ramai yang mahu perkhidmatan yang lebih baik dan maklumat yang lebih telus. Justeru, organisasi yang bukan bermatlamatkan keuntungan juga perlu untuk meningkatkan tadbir urus mereka supaya kepuasan pihak-pihak berkepentingan dapat dicapai.

Tadbir urus berasal dari perkataan Yunani, *kubernáo*, yang membawa maksud untuk membimbing atau mengemudi (Bhasin, 2005). Pelbagai pihak memberikan definisi yang berbeza mengenai tadbir urus. Sebagai contoh, The World Bank (1991) mendefinisikan tadbir urus sebagai penggunaan kuasa organisasi dan sumber untuk berkembang. Manakala yang lain mendefinisikan tadbir urus sebagai proses membuat keputusan (UNESCAP, 2007); dan penggunaan pihak berkuasa organisasi untuk melindungi pihak-pihak yang berkepentingan (UNDP, 1997). Dalam kajian ini, tadbir urus didefinisikan sebagai struktur kuasa untuk

memantau prestasi institusi zakat di pelbagai peringkat dengan tujuan melindungi pihak yang berkepentingan dalam zakat.

Tadbir urus menangani kepentingan semua pihak dan bukan hanya kepentingan segelintir pihak. Aguilera (2005) menyokong kenyataan ini dengan mengatakan bahawa tadbir urus menyentuh tentang akauntabiliti bersama kepada semua pihak yang berkepentingan, tidak hanya terhad kepada pemegang saham syarikat. Walau bagaimanapun, ia adalah satu tugas yang mencabar untuk melindungi kepentingan semua pihak kerana tadbir urus sering mewujudkan konflik kepentingan dan sebab itulah ia perlu kepada pembangunan hubungan antara semua pihak yang berkaitan (Aguilera, 2005).

### **Tadbir Urus Institusi Zakat**

Institusi zakat diberi tanggungjawab untuk mengutip dana zakat dan memastikan keadilan dilakukan dalam mengagihkannya kepada penerima zakat. Untuk memudahkan institusi zakat dalam menguruskan dana zakat secara berkesan dan cekap, pencarian tadbir urus yang baik amat diperlukan. Amalan tadbir urus yang baik dalam persekitaran korporat boleh dicontohi oleh institusi zakat. Tadbir urus institusi zakat perlu dikemaskini dengan pengetahuan baru dan konsep yang praktikal sesuai dengan persekitaran semasa. Oleh itu, pengetahuan asas mengenai tadbir urus adalah penting dalam mencapai matlamat ini. Dengan tadbir urus yang baik, institusi zakat boleh memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan dapat memuaskan hati pihak-pihak yang berkepentingan dalam zakat. Institusi zakat perlu segera melaksanakan proses transformasi jika inginkan organisasi mereka bertambah ‘sihat’.

Pada masa ini, banyak kajian telah dilakukan mengenai tadbir urus korporat (Alexander & Weiner, 1998; Cadbury Committee, 1992; Hamilton, 2000; Sehgal & Mulraj, 2008; Shawal & Hasan, 2007). Walau bagaimanapun, agak sukar untuk mencari kajian yang dapat menjelaskan tentang tadbir urus institusi zakat. Walaupun seseorang boleh menganggap bahawa tadbir urus institusi zakat adalah sama dengan tadbir urus korporat, tetapi sebenarnya tadbir urus institusi zakat mempunyai penekanan yang berbeza. Ini adalah kerana persekitaran kedua-dua institusi adalah berbeza. Tadbir urus korporat beroperasi dalam persekitaran yang dikawal ketat manakala tadbir urus institusi zakat beroperasi dalam persekitaran yang peraturannya agak longgar. Ram

Al Jaffri (2010b) dan Nur Barizah dan Hafiz Majdi (2010) membenarkan kenyataan ini dengan mengatakan persekitaran zakat adalah longgar di segi undang-undang dan penguatkuasaan. Selain itu, banyak konsep dan model pengurusan yang digunakan dalam tadbir urus korporat diimport dari Jepun dan negara Barat (Fadzila Azni, 2010). Konsep dan model ini tidak memberi tumpuan kepada hubungan dengan pencipta (Allah). Fadzila Azni (2010) juga menyatakan bahawa institusi zakat perlu menggunakan konsep dan model pengurusan yang selari dengan prinsip-prinsip dan falsafah Islam. Ini adalah kerana institusi zakat berbeza daripada institusi sosial yang lain di mana semangat zakat bukan hanya untuk dunia ini tetapi juga untuk akhirat.

Walaupun penyelidikan dalam zakat meningkat, tetapi fokus yang diberikan kepada tadbir urus institusi zakat adalah sangat sedikit. Setakat ini, hanya terdapat beberapa kajian sahaja yang memberikan tumpuan kepada tadbir urus institusi zakat di Malaysia (Abd Halim, Rozman & Ahmad, 2007; Norazlina & Abdul Rahim, 2011a; Shawal & Hasan, 2007). Walau bagaimanapun, kajian mereka ini tidak memberikan tumpuan khusus kepada pembentukan tadbir urus institusi zakat, tidak diuji secara empirikal dan tidak berdasarkan perspektif pihak berkepentingan dalam zakat.

Kajian oleh Norazlina dan Abdul Rahim (2011b) mengenai kecekapan institusi zakat telah menemukan beberapa faktor sebagai penentunya. Mereka mendapati bahawa kecekapan institusi zakat di Malaysia secara signifikan ditentukan oleh sistem pembayaran zakat, sistem zakat berkomputer, saiz lembaga, jawatankuasa audit dan desentralisasi. Walau bagaimanapun kajian mereka lebih menjurus kepada

kecekapan institusi zakat dengan kurang penekanan diberikan kepada pembentukan tadbir urus institusi zakat.

Sementara itu, Shawal dan Hasan (2007) mengkaji elemen tadbir urus korporat yang diamalkan oleh beberapa institusi zakat di Malaysia. Mereka mendapati bahawa institusi zakat umumnya menerima pakai amalan tadbir urus korporat, cuma penekanan kurang diberikan pada aspek tertentu seperti penyertaan pihak-pihak yang berkepentingan dalam pembangunan dasar. Kajian ini dijalankan secara tinjauan dan tidak diuji secara empirikal.

Di samping itu, Abd Halim et al. (2007) dan Abd Halim, Shawal, Ahmad dan Kamil (2008), mengkaji prestasi institusi zakat di Malaysia dan mencadangkan satu model petunjuk prestasi

bagi institusi zakat. Model petunjuk prestasi tersebut mempunyai 4 dimensi yang terdiri daripada input, output, proses, dan kualiti. Walau bagaimanapun, kedua-dua kajian ini tidak dilakukan secara mendalam dan tidak diuji secara empirikal dan mereka sendiri mencadangkan agar kajian yang lebih mendalam dilakukan.

## **Ketelusan**

Ketelusan merupakan elemen penting dalam tadbir urus dan ini dipersetujui oleh beberapa orang penyelidik (Bandsuch et al., 2008; Bhasin, 2010; Cadbury, 2000; Ionescu, 2010). Kepentingan elemen ketelusan dalam tadbir urus boleh dilihat melalui pernyataan seperti ketelusan adalah nadi kepada tadbir urus (Cadbury, 2000). Elemen ini membolehkan pihak berkepentingan mengakses maklumat yang tepat bagi membantu mereka dalam pembuatan keputusan (Bandsuch et al., 2008). Ketelusan juga berupaya untuk mengurangkan maklumat asimetri kerana membenarkan semua orang mengakses maklumat yang sama (Chen, Chung, Lee & Liao, 2007). Ini menjadikan ketelusan maklumat yang baik sebagai prasyarat untuk tadbir urus yang baik (Chiang, 2005).

Ketelusan didefinisikan sebagai perkongsian maklumat spesifik kepada pihak berkepentingan (Bushman, Piotroski & Smith, 2004). Definisi lain adalah sistem periksa dan imbang (Zandstra, 2002); meningkatkan aliran maklumat yang dipercayai (Chipalkatti, Le & Rishi, 2007) dan menggalakkan komunikasi berkesan (Parum, 2005). Dalam kajian ini, ketelusan didefinisikan sebagai perkongsian maklumat penting di mana pendedahan yang secukupnya dibuat dan maklumat boleh diakses oleh semua pihak berkepentingan dalam zakat.

Ketelusan berupaya untuk meningkatkan kepuasan awam dan dapat membawa kepada tadbir urus yang berkesan (Chen et al., 2007). Sebaliknya, organisasi yang mengabaikan ketelusan dalam tadbir urusnya mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk terlibat dalam salah laku (Cadbury Committee, 1992). Penyiasatan terhadap skandal korporat mendedahkan bukti bahawa salah satu faktor penyumbangnya adalah kekurangan ketelusan dalam penyebaran maklumat (Chen et al., 2007). Ini menunjukkan bahawa ketelusan secara menyeluruh mesti diamalkan untuk mengelakkan persepsi negatif daripada orang ramai terhadap tadbir urus organisasi.

Ketelusan yang tinggi ditambah dengan pemantauan yang bersesuaian akan meningkatkan keyakinan pelabur (Bhasin, 2010; Ionescu, 2010; Roohani, Furusho & Koizumi, 2009). Walau

bagaimanapun, ketelusan memerlukan peraturan yang kuat dan sokongan daripada lembaga pengarah dan pengurusan atasan untuk membolehkan ianya diterima (Bhasin, 2010; Bhat, Hope & Kang, 2006; Zandstra, 2002).

Terdapat beberapa kajian yang membincangkan ketelusan dalam organisasi. Sunhilde dan Hajnalka (2009) mendapati maklumat sensitif berkaitan lembaga pengarah dan eksekutif kurang didedahkan berbanding maklumat kewangan. Keadaan ini menunjukkan ketelusan secara menyeluruh tidak diamalkan. Ini secara tidak langsung meningkatkan kebarangkalian berlakunya penyelewengan (Zandstra, 2002). Selain itu, syarikat yang mempunyai ketelusan maklumat yang rendah biasanya akan melibatkan kos agensi yang tinggi. Manakala kajian oleh Bhat et al. (2006) mendapati terdapat hubungan positif di antara ketelusan tadbir urus dan ketepatan ramalan penganalisis. Menurut mereka, ketelusan tadbir urus sangat penting terutamanya apabila penguatkuasaan undang-undang syarikat adalah lemah.

Walaupun perbincangan mengenai ketelusan banyak terdapat dalam persekitaran korporat, ianya tetap relevan dan boleh diguna pakai dalam semua persekitaran termasuklah institusi zakat. Pihak berkepentingan dalam zakat tentu berpuas hati sekiranya ketelusan yang tinggi diamalkan dalam tadbir urus institusi zakat. Kajian oleh Hairunnizam et al. (2009) mendapati bahawa kekurangan ketelusan dalam pengagihan zakat telah menyebabkan ketidakpuasan hati di kalangan pihak berkepentingan dalam zakat. Di samping itu, kegagalan institusi zakat dalam menyediakan laporan kewangan turut menjelaskan ketelusan dalam tadbir urusnya (Utusan Online, 2001, Disember 3). Majoriti institusi zakat di Malaysia juga didapati tidak telus dalam mendedahkan maklumat di dalam laman web mereka (Mohd Faisol, Suhaina & Mohd Zulkifli, 2009).


Kejadian ini menunjukkan bahawa ketelusan institusi zakat tidak berada pada tahap yang memuaskan. Isu ketelusan sering dikaitkan dengan pengurusan institusi zakat yang didakwa tidak cekap. Pengurusan institusi zakat kerap dikritik kerana birokrasi (Aidit, 1989), ketidakcekan dalam pengagihan zakat (Aidit, 1989; Azman et al., 2012; Hairunnizam et al., 2009; Mohd Asri, 2010; Mohd Fadly, 2010), dan tidak proaktif (Mohd Asri, 2010; Mohd Fadly, 2010). Hal ini mengundang kritikan berterusan terhadap tadbir urus institusi zakat (Mohd Asri, 2010; Radiah, 2011).

Kebelakangan ini, ketelusan telah mula diberi perhatian oleh institusi zakat walaupun masih lagi tidak secara menyeluruh. Perkongsian maklumat sensitif seperti maklumat kutipan dan agihan zakat yang diamalkan oleh institusi zakat adalah baik kerana berupaya untuk mengelakkan persepsi negatif di samping meningkatkan ketelusan dalam tadbir urus. Namun, maklumat sensitif lain terutamanya yang berkaitan dengan tadbir urus seperti gaji pengarah, tempoh pelantikan dan pengalaman mereka patut juga dikongsi agar ketelusan yang diamalkan itu lebih menyeluruh. Di samping itu, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) juga telah menunjukkan komitmen dalam menjalankan tadbir urus yang baik dengan memastikan wujudnya elemen ketelusan dalam laporan mereka (*Laporan zakat 2009*). Beberapa institusi zakat yang lain turut mengambil inisiatif yang sama melalui penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat dalam usaha menggalakkan ketelusan. Pengenalan e-zakat umpamanya, telah memberi hasil yang positif dengan membantu meningkatkan ketelusan institusi zakat (Shawal, 2009). Ini disokong oleh Azman et al. (2012) yang mendapati ketelusan dalam tadbir urus institusi zakat semakin baik tetapi masih wujud banyak ruang untuk penambahbaikan.

### **Andaian Teoretikal**

Kajian ini menggabungkan kekuatan dua teori iaitu teori pihak berkepentingan dan teori agensi sebagai teori asas. Kedua-dua teori ini menerima pengiktirafan yang tinggi dalam kajian yang berkaitan tadbir urus (Abbas, 2009; Donaldson & Preston, 1995; Eisenhardt, 1989; Friedman & Miles, 2002; Jensen & Meckling, 1976). Teori agensi memberikan tumpuan hanya kepada hubungan antara syarikat dan pemegang sahamnya. Teori pihak berkepentingan melebarkan hubungan itu dengan memberi tumpuan juga kepada pihak berkepentingan yang lain. Ianya selari dengan objektif institusi zakat dalam memberikan keadilan kepada semua pihak. Kedua-dua teori ini menyokong kuat amalan ketelusan dalam tadbir urus sesuatu organisasi. Ini kerana ketelusan boleh menjamin semua pihak memperolehi akses yang sama terhadap semua maklumat dan mengelakkan persepsi negatif akibat salah tanggapan. Berdasarkan kedua-dua teori ini dan kajian lepas, satu kerangka kerja berkaitan dengan ketelusan telah dicadangkan. Model kerangka kerja ini ditunjukkan dalam Rajah 1.

## Kerangka Kerja Teori



*Rajah 1: Kerangka Kerja Teori Bagi Ketelusan Dalam Tadbir Urus Institusi Zakat*

## Kesimpulan

Tadbir urus yang baik dapat memastikan kewujudan berterusan sesebuah organisasi (Cadbury Committee, 1992; Hampel Report, 1998). Kertas ini membincangkan dengan terperinci kajian berkenaan tadbir urus dan ketelusan agar pemahaman mengenai keduanya dapat dipertingkatkan. Di samping itu, kajian yang dijalankan dalam persekitaran zakat juga turut dibincangkan. Hasil perbincangan mendapati bahawa ketelusan merupakan elemen penting dalam tadbir urus. Walau bagaimanapun, elemen ketelusan ini masih kurang diberi perhatian oleh institusi zakat. Oleh itu, satu rangka kerja berkaitan dengan ketelusan dalam tadbir urus zakat telah dicadangkan. Penekanan kepada elemen ketelusan ini berupaya membantu institusi zakat menangani isu keyakinan masyarakat Islam yang rendah. Isu ini perlu segera ditangani bagi menjamin peranan institusi zakat dalam memastikan keadilan ekonomi dan sosial serta pembasmian kemiskinan tidak tergugat.

## RUJUKAN

- Abbasi, M. Z. (2009). Legal analysis of agency theory: An inquiry into the nature of corporation. *International Journal of Law and Management*, 51(6), 401-420.
- Abd Halim, M. N., Rozman, M. Y., & Ahmad, C. Y. (2007). Performance indicators model for zakat institution. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1(2), 71-84.
- Abd Halim, M. N., Shawal, K., Ahmad, C. Y. & Kamil, M. I. (2008). *Measuring performance: A preliminary study of zakat institutions in Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Bengkel IKaZ Bersama Industri Ke 4, UiTM, Melaka.
- Abdul Hadi, Z., M. Fazilah, A. S., & Md Ishak, I. (2005). Corporate governance in Malaysia. Diakses pada Februari 15, 2011, daripada <http://www.micg.net/research/corporate%20governance%20in%20malaysia%20-%20micg.pdf>
- ACA detains senior Lembaga Zakat Selangor officer. (2008, April 10). *Bernama*.

- Aguilera, R. V. (2005). Corporate governance and director accountability: An institutional comparative perspective. *British Journal of Management*, 16, 39-53.
- Audit, G. (1989). Fenomenon pembayaran zakat melalui saluran tidak rasmi - Satu analisis empirik. Dalam Mohd Ali Hj. Baharum (Ed.), *Zakat ditinjau dari perspektif sosial, undang-undang dan taksiran* (pp. 1-27). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam.
- Alexander, J. A., & Weiner, B. J. (1998). The adoption of the corporate governance model by nonprofit organizations. *Nonprofit Management & Leadership*, 8(3), 223-242.
- Azman, A. R., Mohammad, H. A., & Syed Mohd Najib, S. O. (2012). Zakat institution in Malaysia: Problems and issues. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(1), 35-41.
- Bandsuch, M., Pate, L., & Thies, J. (2008). Rebuilding stakeholder trust in business: An examination of principle-centered leadership and organizational transparency in corporate governance. *Business & Society Review*, 113(1), 99-127.
- Barros, C. P., & Nunes, F. (2007). Governance and CEO pay and performance in non-profit organizations. *International Journal of Social Economics*, 34(11), 811-827.
- Bhasin, M. L. (2005). Dharma in corporate governance: Transparency the biggest challenge in Asian countries. *EBS Review*(2), 99-109.
- Bhasin, M. L. (2010). Dharma, corporate governance and transparency: An overview of the Asian markets. *International Journal of Business & Management*, 5(6), 56-73.
- Bhat, G., Hope, O.-K., & Kang, T. (2006). Does corporate governance transparency affect the accuracy of analyst forecasts? *Accounting & Finance*, 46(5), 715-732.
- Bushman, R. M., Piotroski, J. D., & Smith, A. J. (2004). What determines corporate transparency? *Journal of Accounting Research*, 42(2), 207-252.
- Cadbury, A. (2000). The corporate governance agenda. *Corporate Governance*, 8(1), 7-15.
- Cadbury Committee. (1992). Report of the committee on the financial aspects of corporate governance. London: Gee and Co.
- Chen, W.-P., Chung, H., Lee, C., & Liao, W.-L. (2007). Corporate governance and equity liquidity: Analysis of S&P transparency and disclosure rankings. *Corporate Governance*, 15(4), 644-660.
- Chiang, H.-t. (2005). An empirical study of corporate governance and corporate performance. *The Journal of American Academy of Business*, 95-101.
- Chipalkatti, N., Le, Q. V., & Rishi, M. (2007). Portfolio flows to emerging capital markets: Do corporate transparency and public governance matter? *Business & Society Review*, 112(2), 227-249.
- Diabi, A. (1993). The concept of zakah evasion: An economic interpretation. *Review of Islamic Economics*, 2(2), 17-28.
- Donaldson, T., & Preston, L. E. (1995). The stakeholder theory of the corporation: Concepts, evidence, and implications. *Academy of Management Review*, 20(1), 65-91.
- Eisenhardt, K. M. (1989). Agency theory: An assessment and review. *The Academy of Management Review*, 14(1), 57-74.
- Fadzila Azni, A. (2010). *Pengurusan institusi zakat: Apres pengurusan kualiti menyeluruh (TQM)*. Kertas kerja dibentangkan di 4th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2010), Universiti Sains Malaysia.
- Friedman, A. L., & Miles, S. (2002). Developing stakeholder theory. *Journal of Management Studies*, 39(1), 1-21.
- Hairunnizam, W., Mohd Ali, M. N., & Sanep, A. (2005). Kesedaran membayar zakat: Apakah faktor penentunya? *IJMS*, 12(2), 171-189.
- Hairunnizam, W., Sanep, A., & Radiah, A. K. (2009). Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati? *Jurnal Syariah*, 17(1), 89-112.
- Hamilton, R. W. (2000). Corporate governance in America 1950-2000: Major changes but uncertain benefits. *Journal of Corporation Law*, 25(2), 349-373.
- Hampel Report. (1998). Committee on corporate governance final report. Diakses pada Februari 23, 2012, daripada <http://www.ecgi.org/codes/documents/hampel.pdf>
- Ibnu Kathier. (2007). *Terjemah ringkas tafsir Ibnu Kathier* (H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy, Terjm. Malaysia ed. Vol. 4). Kuala Lumpur: Pustaka Jawa.
- Ionescu, L. (2010). Effective corporate governance and financial market transparency. *Economics, Management & Financial Markets*, 5(2), 285-290.
- JAKIM. (2006). Hukum mengagihkan zakat secara persendirian dan qada zakat. Diakses pada Mac 7, 2012, daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum> -mengagihkan-zakat-sekara-persendirian-dan-qada-zakat
- Jensen, M. C., & Meckling, W. H. (1976). Theory of the firm: Managerial behavior, agency costs and ownership structure. *Journal of Financial Economics*, 3(4), 305-360.
- Kamil, M. I. (2002). *Gelagat kepatuhan zakat gaji di kalangan kakitangan awam*. Tesis PhD Tidak Diterbit, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Laporan zakat 2009. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Md. Zyadi, M. T., & Mariani, A. M. (1999). *Prestasi kutipan dan agihan zakat di Malaysia: Suatu perbandingan antara pengurusan awam dengan pengurusan swasta*. Kertas kerja dibentangkan di Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Mohd Asri, Z. A. (2009). Agama bukan candu untuk menghayalkan orang miskin. Diakses pada Julai 15, 2010, daripada <http://drmaza.com/home/?p=808>
- Mohd Asri, Z. A. (2010). Zakat berbaki atau kita kurang bijak membahagi. Diakses pada September 22, 2010, daripada <http://drmaza.com/home/?p=1228>

- Mohd Faisol, I., Suhaina, M., & Mohd Zulkifli, M. (2009). *Sistem zakat di Malaysia: Kajian dari sudut strategi penyebaran maklumat menerusi laman web*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Muamalat, Ekonomi dan Kewangan Islam, Hotel Equatorial Bangi-Putrajaya, Selangor.
- Mohd Harzrul, A. (2010, Mac 4). Institusi agama tercabar, *Harian Metro*, p. 9.
- Mohd. Hasriq, A. (2011, Mac 10). Hanya 45 bayar zakat, *Utusan Malaysia*, p. 7.
- Mohd Fadly, S. (2010, Mac 12). Lebih proaktif bantu si miskin, *Harian Metro*, p. v4.
- Norazlina, A. W., & Abdul Rahim, A. R. (2011a). A framework to analyse the efficiency and governance of zakat institutions. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2(1), 43-62.
- Norazlina, A. W., & Abdul Rahim, A. R. (2011b). *Efficiency of zakat institutions and its determinants*. Kertas kerja dibentangkan di 8th International Conference on Islamic Economics and Finance, Doha, Qatar.
- Nur Barizah, A. B., & Hafiz Majdi, A. R. (2010). Motivations of paying zakat on income: Evidence from Malaysia. *International Journal of Economics and Finance*, 2(3), 76-84.
- Parum, E. (2005). Does disclosure on corporate governance lead to openness and transparency in how companies are managed? *Corporate Governance*, 13(5), 702-709.
- Patmawati, H. I. (2008). Pembangunan ekonomi melalui agihan zakat: Tinjauan empirikal. *Jurnal Syariah*, 16(2), 223-244.
- Qardhawi, Y. (2007). *Hukum zakat* (Salman Harun, Didin Hafidhuddin & Hasanuddin, Terjm. 10 ed.). Bogor: Pustaka Litera AntarNusa
- Radiyah, S. (2011, Oktober 28). Amil lesapkan wang zakat diburu, *Kosmo*, p. 2.
- Ram Al Jaffri, S. (2010a). *Gelagat kepatuhan zakat perniagaan di negeri Kedah*. Tesis PhD Tidak Diterbit, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Ram Al Jaffri, S. (2010b). *Gelagat kepatuhan zakat perniagaan: Apakah penentunya?* Kertas kerja dibentangkan di 4th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2010), Universiti Sains Malaysia.
- Roohani, S., Furusho, Y., & Koizumi, M. (2009). XBRL: Improving transparency and monitoring functions of corporate governance. *International Journal of Disclosure & Governance*, 6(4), 355-369.
- Sanep, A., Hairunnizam, W., & Adnan, M. (2006). Penswastaan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies*, 13(2), 175-196.
- Sanep, A., & Hairunnizam, W. (2004). *Kesan prestasi agihan oleh institusi formal ke atas kepatuhan membayar zakat*. Kertas kerja dibentangkan di Pascasidang Seminar Kebangsaan Fakulti Ekonomi & Perniagaan, Kuala Lumpur.
- Sanep, A., & Hairunnizam, W. (2005). Persepsi agihan zakat dan kesannya terhadap pembayaran zakat melalui institusi formal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 39, 53-69.
- Sehgal, A., & Mulraj, J. (2008). Corporate governance in India: Moving gradually from a regulatory model to a market-driven model - A survey. *International Journal of Disclosure and Governance*, 5(3), 205-235.
- Shaaran, I. (2010, Mei 22). 67 peratus syarikat layak belum bayar zakat niaga, *Berita Harian*, p. 42.
- Shawal, K., & Hasan, B. (2007). Amalan 'corporate governance' dalam pengurusan institusi zakat di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1(2), 53-70.
- Shawal, K. (2009). *The advancement of e-zakat for delivering better quality service and enhancing governance sphere of zakat institution in Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di World Zakat Forum, University Gajah Mada Yogyakarta, Indonesia.
- Sunhilde, C., & Hajnalka, K. (2009). Corporate governance- A transparency index for the Romanian listed companies. *Annals of the University of Oradea, Economic Science Series*, 18(2), 60-66.
- The World Bank. (1991). Managing development: The governance dimension. Diakses pada Oktober 16, 2010, daripada [http://www-wds.worldbank.org/external/default/WDSContentServer/WDSP/IB/2006/03/07/000090341\\_20060307104630/Rendered/PDF/34899.pdf](http://www-wds.worldbank.org/external/default/WDSContentServer/WDSP/IB/2006/03/07/000090341_20060307104630/Rendered/PDF/34899.pdf)
- UNDP. (1997). Governance for sustainable human development: A UNDP policy document. Diakses pada Oktober 17, 2010, daripada <http://www.pogar.org/publications/other/undp/governance/undppolicydoc97-e.pdf>
- UNESCAP. (2007). What is good governance? Diakses pada Oktober 16, 2010, daripada <http://www.unescap.org/pdd/prs/ProjectActivities/Ongoing/gg/governance.asp>
- Utusan Online. (2001, Disember 3). Institusi zakat dipertikai. Diakses pada Mei 25, 2011, daripada [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1203&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1203&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm)
- Zandstra, G. (2002). Enron, board governance and moral failings. *Corporate governance*, 2(2), 16-19.
- Zulkifli, M. (2010, Ogos 22). Enggan bayar zakat, denda RM1,000, *Kosmo*, p. 4.